

No. Kelas: .....  
No Perolchan: .....  
Tarikh: ..... 6 - 2 - 91 .....

Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia Dengan Tumpuan

Khas Kepada Institusi Pengajian Tinggi Swasta (Private Colleges)

.....

.....

Quek Khai How

No. Matrik : 53975

Projek Penyelidikan Bagi Memenuhi Sebahagian

Daripada Syarat-syarat Untuk Ijazah Sarjana

Muda Sastera.

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

Sesi 1990/91

Penghargaan

Saya ingin menyatakan penghargaan kepada semua pihak yang telah menolong saya menjayakan Projek Penyelidikan ini. Pertamanya, saya berasa amat terhutang budi kepada penyelia saya, Dr.Raymond Lee yang telah memberi banyak tunjuk-ajar dan bimbingan. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Zainal Kling yang juga telah menyelia projek Penyelidikan saya.

Selain dari itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada institusi pengajian tinggi swasta yang telah memberikan kerjasama kepada saya semasa kajian ini dijalankan. Projek ini juga tidak dapat dijayakan tanpa sokongan dari ahli keluarga saya.

Terima kasih juga harus diberikan kepada Dr. Rokiah Talib ketua Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya.

Quek Khai How

Jabatan Antropologi dan Sosiologi,  
Universiti Malaya ,  
Sesi 1990/91

## Kandungan

<u>1. Pendidikan di Malaya Selepas Tahun 1874</u>	1
Pendidikan Melayu Sebelum tahun 1874	1
Sekolah Vernakular Melayu	2
Sekolah Vernakular Cina	5
Sekolah Vernakular Tamil	8
Sekolah Inggeris	9
<u>2. Perkembangan Pendidikan di Malaysia (1946-1969)</u>	13
<u>3. Rusuhan Mei 13 dan Implikasinya Atas Pendidikan</u>	24
<u>4. Pendidikan Selepas Perlaksanaan DEB Dengan Tumpuan</u>	
Khas Kepada Pendidikan Tinggi	33
Sistem Pendidikan Sekarang	33
Pendidikan Tinggi	36
Pendidikan Tinggi Bagi Kaum Bukan Bumiputra	42
<u>5. Institusi Pengajian Tinggi Swasta</u>	48
Kursus-kursus Yang ditawarkan Oleh Institusi Swasta	48
Kelayakan	50
Struktur Yuran	51
Komposisi Penuntut di Institusi Swasta	52
Kesimpulan	53

<u>6. Penutup dan Kesimpulan</u>	55
Lampiran A	60
Bibliografi	61

Kesimpulan penelitian ini menunjukkan bahawa hasil pengaruh pendidikan terhadap kesejahteraan sosial masyarakat di Malaysia masih belum mencapai kesesuaian. Terdapat permasalahan sektor pendidikan yang masih belum berjaya memberi pengaruh yang positif kepada kesejahteraan sosial masyarakat. Pada akhirnya, permasalahan pendidikan masih belum berjaya memberi pengaruh yang positif kepada kesejahteraan sosial masyarakat yang dimana masih mengandungi beberapa masalah seperti perlengkapan pembelajaran dan teknologi maklumat dan komunikasi pendidikan masih kurang, dan permasalahan dari bentuk pelajaran dan pendidikan masih belum berjaya memberi pengaruh yang positif kepada kesejahteraan sosial masyarakat.

Selain dari itu, penelitian juga akan diketahui kepada jumlah pengaruh tinggi memberi sejajarnya dengan College, Non College dan Sekolah-Sekolah Tinggi. Perkuat lagi pada pengaruh sektor kesejahteraan. Selanjutnya setiap sektor pengaruh tersebut Dapat diambil tindakan. Untuk sektor pendidikan negara dan sektor pendidikan awam perlu meningkatkan pengaruh pendidikan negara dan sektor pendidikan awam agar memberi pengaruh yang diketahui dalam bentuk peningkatan

### Sinopsis

#### Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia dengan Tumpuan Khas Kepada Institusi Pengajian Tinggi Swasta.

Projek Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengkaji perkembangan pendidikan di Semenanjung Malaysia dari zaman kolonial hingga masa kini. Pendidikan telah mengalami banyak perubahan sejajar dengan pergerakan zaman. Tahap-tahap kemajuan yang dicapai oleh masyarakat telah memberi kesan kepada pendidikan dan projek penyelidikan ini telah mengalurkan perkembangan pendidikan dari zaman ke zaman. Masyarakat yang semakin maju mempunyai penilaian yang berlainan ke atas peri pentingnya pendidikan. Projek ini telah menilai kepentingan pendidikan kepada masyarakat, dan perubahan pendidikan dari bentuk sekolah agama dan pendidikan & tidak formal kepada apa yang wujud pada hari ini.

Selain dari itu, penilaian juga akan diberi kepada institusi pengajian tinggi swasta seperti Stamford College, Rima College dan lain-lain lagi. Projek ini telah mengkaji sebab kemunculan kolej-kolej swasta selepas perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Kolej swasta pada hari ini memainkan peranan yang penting dari segi pendidikan Semenanjung Malaysia. Juga telah di beri tumpuan ialah program-program yang ditawarkan oleh kolej swasta,

komposisinya dan lain-lain lagi.

Sebagai kesimpulan, pendidikan di Malaysia telah banyak mengalami perubahan akibat dari perubahan keperluan masyarakat, dasar kerajaan dan banyak faktor lagi. Perkembangan pendidikan amat berkait rapat dengan perkembangan dari segi lain.

## Bab 1; Pendidikan di Malaya selepas tahun 1874

### Pendidikan Melayu Sebelum tahun 1874

Sebelum campurtangan British pada tahun 1874, organisasi politik dan sosial masyarakat Melayu bersifat bilateral iaitu mementingkan hubungan persaudaraan dari kedua-dua pihak ibu dan bapa. Kegiatan ekonomi masyarakat Melayu ialah pertanian dan perikanan. Pendidikan pada masa itu juga berlandaskan semata-mata kepada pengajian kitab suci Al-Quran dan mementingkan penghayatan ajaran-ajaran Islam.

Kanak-kanak Melayu menerima pendidikan jenis ini dari iman atau ulama di surau, masjid atau pondok. Ianya hanya terbatas kepada pembacaan Quran, huruf Arab, menghafaz dan mengingati doa serta mempelajari prinsip agama Islam. Sistem pendidikan yang tradisional ini agak lemah kerana cara pengajaran dan pembelajaran kurang berkesan di mana murid-murid hanya menghafaz tanpa memahami. Ini adalah kerana cara kehidupan masyarakat Melayu pada masa itu adalah simple dan tidak memerlukan ilmu yang banyak.

Budak Melayu selain dari menerima pendidikan Quran yang formal juga mempelajari kemahiran yang bersifat tidak formal seperti kraftangan, kemahiran bertani, perikanan dan lain-lain lagi. Wilkinson melihat jenis pendidikan ini sebagai "...based upon a sort of apprenticeship."<sup>1</sup>

Menjelang kurun ke-19, Tanah Melayu telah mengalami beberapa perubahan yang penting apabila kerajaan British mulai meluaskan pengaruhnya di Tanah Melayu. Munshi Abdullah menyifatkan perubahan yang di bawa oleh British sebagai 'yang ada ditidakkannya dan yang tidak diadakannya'.<sup>2</sup> Perubahan ekonomi telah mengakibatkan British mulai memberi perhatian yang sewajarnya kepada pendidikan. Kesan dari latarbelakang etnik dan dasarkerajaan, timbul 2 jenis sekolah semasa zaman pemerintahan British iaitu sekolah vernakular (Melayu, India dan Cina) dan sekolah Inggeris yang bertempat di bandar-bandar.<sup>3</sup>

#### Sekolah Vernakular Melayu

Di negeri-negeri Melayu Bersekutu, antara tahun 1875 hingga 1882 memperlihatkan penubuhan sekolah vernakular Melayu yang terawal. Sekolah vernakular Melayu yang pertama ditubuhkan di Klang pada September 1875 oleh residen Selangor yang pertama, J.G. Davidson.<sup>4</sup> Pemeriksaan ke atas sekolah di Klang ini menunjukkan kadar kehadiran yang lemah. Keadaan yang sama juga dihadapi oleh sekolah vernakular yang lain. Dasar pendidikan British hanya sekadar membolehkan orang Melayu menulis dan membaca sahaja. Masalah tentang menyediakan orang Melayu dalam menghadapi masalah-masalah praktikal yang lain tidak di pentingkan.

Pihak British berpendapat sekolah Quran tidak dapat membolehkan murid-muridnya membaca dan menulis dan oleh itu menubuhkan sekolah vernakular Melayu yang menawarkan matapelajaran asas dan juga kelas Quran di sebelah petang yang dikendalikan oleh Hadjee atau Khatib. Peraturan setiap sekolah berbunyi:

'The Koran may be taught in the school, but it must be kept strictly separate from the Malay.

The morning lessons must be devoted to instruction in Malay. The Koran must be confined in the afternoon. The Government allowance to the teacher is made on account of the Malay lesson only. The parents should assist in paying the master for teaching the Koran.'<sup>5</sup>

Waktu kelas ialah antara pukul 8 hingga 11 pagi dan 2 hingga 4 di sebelah petang, kelas diadakan 6 hari seminggu. Sekolah ini berada di bawah penyeliaan Pegawai Daerah. Masalah terbesar ialah memperolehi guru-guru yang sesuai. Guru biasanya diperolehi dari Negeri-negeri Selat. Masalah lain termasuk mencari tempat yang sesuai untuk mendirikan sekolah kerana pola pertempatan orang Melayu adalah berselerak. Menurut Stevenson, '...it was by no means an easy task to find a kampung or a closely situated group of kampungs that could muster 30 school-age boys.'<sup>6</sup>

Sekolah vernakular Melayu juga menghadapi masalah kehadiran.

Masyarakat Melayu pada amnya meragui kerajaan kerana idea pendidikan asas adalah baru dan asing kepada mereka. Ibu bapa enggan menghantar anak mereka ke sekolah kerana mereka lebih diperlukan untuk bekerja di ladang-ladang dan sawah-sawah.

Demi mengatasi masalah kehadiran kerajaan British telah menggunakan cara pendidikan wajib. Ibu bapa yang enggan menghantar anak mereka ke sekolah akan dikenakan dendaan yang tidak melebihi \$5.<sup>7</sup> Kebanyakan sekolah Melayu ini mempunyai tahap pendidikan yang rendah. Buku-buku teks adalah tidak mencukupi dan kurikulum juga tidak tetap. Majistret wilayah Kuala Lumpur, H.C. Belfield telah memperkenalkan 3 jenis peperiksaan yang berdasarkan kepada peperiksaan di Negeri-negeri Selat. Murid-murid di bahagikan kepada gred I, II atau III Primers dan ini akan menentukan darjah murid. Beliau juga memansuhkan pengajaran matematik berdasarkan sistem Inggeris (penggiraan , -s-d) yang telah didapati tidak sesuai untuk digunakan di Tanah Melayu. Sebagai gantian ukuran Cina dan Melayu telah digunakan.<sup>6</sup>

Pada kurun ke-19, kurikulum sekolah Melayu meliputi bacaan, mengarang, ejaan, menulis, ilmu hisab, latihan jasmani dan Ilmu Alam. Atas cadangan Winstedt kurikulum 3M ini kurang diberi penekanan dan seni anyaman dan pekebunan ditambahkan ke dalam

kurikulum sekolah Melayu.<sup>9</sup>

Tahun	Negeri/Tempat	Bilangan Sekolah
1872	Negeri-negeri	16
1882	Selat	85
1892		189
1898	Negeri-negeri	168
1907	Bersekutu	266
1913	Negeri-negeri Tak Bersekutu	103

Jadual 1.1 : Bilangan Sekolah Vernakular Melayu di Tanah Melayu (1872-1913)

Sumber : Mok S.S. dan S.M.Lee, Pendidikan di Malaysia

Sekolah vernakular Melayu yang disediakan oleh kerajaan British dari pertengahan kurun ke-19 hingga Perang Dunia II hanya terhad sehingga Darjah 4 sahaja dan terletak di desa. Sekolah ini hanya menyediakan kemampuan membaca, menulis, mengira, kemahiran berkebun dan cara anyaman. Oleh itu boleh dikatakan kurikulum sekolah Melayu amat terhad.

#### Sekolah Vernakular Cina

Sekolah-sekolah Cina yang awal hanya memberikan pendidikan klasik dan tidak memenuhi keperluan Negeri-negeri Selat. Sekolah jenis ini didirikan oleh orang Cina dan dibuka atas usaha bekas guru atau ketua-ketua Cina. Ia diadakan di bangunan lama seperti kuil, dewan dan lain-lain lagi. Murid-murid diajar teks klasik dengan cara menghafal tanpa memahami. Guru-guru tidak menerima latihan dan sesiapa yang boleh menulis dan membaca layak menjadi guru.

British pada amnya mengamalkan dasar 'laissez faire' terhadap perkembangan pendidikan Cina. British hanya menubuhkan 2 sekolah Cina di Selangor antara lebih kurang tahun 1885.<sup>10</sup> Selepas ini tidak ada sekolah Cina kerajaan didirikan sehingga tahun 1950an.

Di antara tahun 1900 hingga 1919, Negeri Cina mengalami banyak perubahan sosial dan politik yang juga dirasai oleh komuniti Cina di seberang laut. Dalam era ini, soal pendidikan tidak boleh dipisahkan dari politik. Kemunculan idea moden yang bersifat revolusi telah meruntuhkan sistem pendidikan tradisional dan membuka jalan untuk yang baru. Kurikulum baru sekolah Cina merangkumi klasik lama, sejarah, Ilmu Alam, Sains, Moral, Bahasa, Ilmu Hisab, Lukisan, Nyayian, dan latihan jasmani. Guru-guru diperolehi dari Universiti Peking. Sekolah Cina di Tanah Melayu juga menerima misi pendidikan dan bantuan kewangan dari Negeri Cina.

Keadaan di Negeri Cina antara tahun 1899 hingga 1911 dicirikan oleh perang saudara yang meletus, seterusnya orang Cina di seberang laut menjadi sumber kewangan yang penting. Kerajaan Manchu dan juga parti Reformis dan Revolusi cuba memperolehi sokongan dari mereka dan ini menandakan permulaan 'politicization of Chinese education'.<sup>11</sup>

Penubuhan Republik Rakyat Cina pada tahun 1911 menimbulkan penglibatan yang lebih kerap sekolah Cina di Tanah Melayu dalam hal politik Cina. Pada tahun 1914 dan 1915 Kementerian Pendidikan Cina telah menghantar wakil untuk memeriksa sekolah Cina di Asia

Tenggara. Dalam masa ini golongan wanita juga telah berpeluang memperolehi pendidikan dengan penubuhan sekolah perempuan Kuen Cheng pada tahun 1908 di Kuala Lumpur.

Penglibatan sekolah Cina dalam hal politik Cina dengan lebih giat telah mengakibatkan campurtangan British dalam sistem pendidikan Cina. Enakmen Pendaftaran Sekolah tahun 1920 membolehkan British mengawal pentadbiran dan perkembangan sekolah Cina. Semangat nasionalisme di kalangan komuniti Cina semakin hangat dan oleh itu Parti Kuomintang diharamakan yang mana ramai guru Cina menjadi ahli kepada Winstedt menegaskan bantuan akan diberi kepada sekolah-sekolah yang menggunakan bahasa tempatan sebagai bahasa pengantar.

Banyak sekolah Cina menolak bantuan British kerana enggan hilang kuasa mereka ke atas sekolah Cina tetapi akibat dari keadaan meleset pada tahun 1930 banyak sekolah Cina terpaksa menerima bantuan British. Sir Cecil Clementi, Gabenor pada masa itu mendapati banyak buku teks yang digunakan di sekolah Cina mempunyai unsur anti-Barat. Beliau mengarahkan pengharaman buku teks jenis ini iaitu 'New Era' dan 'New Principles'.<sup>12</sup> Selain dari ini guru-guru di sekolah Cina mesti diambil dari mereka yang lahir di Malaya.

Menjelang Perang Dunia II, sistem pendidikan Cina di Tanah Melayu telah mencapai tahap hingga ke Tingkatan 6 dan Bahasa Mandarin telah diiktiraf oleh British sebagai bahasa rasmi di sekolah Cina.

### Sekolah Vernakular Tamil

Seperti juga orang Cina, orang Tamil tidak menaruh minat ke atas sekolah Melayu. Mereka yang mampu akan hantar anak mereka ke sekolah Inggeris. Masyarakat Tamil pada amnya lebih bergantung ke atas negeri atau majikan untuk keperluan pendidikan mereka. Pada tahun 1900, British telah memperuntukan sebahagian dana negeri untuk pendidikan Tamil dalam bentuk bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah mubaligh Anglo-Tamil. Menjelang tahun 1900, terdapat sebuah sekolah Tamil dan 3 buah sekolah Anglo-Tamil di Perak, sebuah sekolah Tamil di Negeri Sembilan dan sebuah sekolah Anglo-Tamil di Selangor dengan jumlah murid seramai 200.<sup>13</sup>

Bilangan sekolah Tamil di Malaya amat terhad dan bentuk yang paling lazim ialah sekolah estet. Pendidikan jenis ini diadakan di bangunan lama dalam estet dan kerani estet atau pekerja lain akan menjadi guru untuk 2 hingga 3 jam seminggu sebagai lingkungan kerjanya. Buku teks diperolehi dari Sri Lanka atau India dan jenis pendidikan ini adalah untuk jangkamasa 4 tahun sahaja, adalah satu kebiasaan murid-murid Tamil tidak akan menghabiskan tempoh persekolahan ini. Kod Buruh tahun 1923 mewajibkan setiap ladang yang mempunyai 10 orang kanak-kanak dalam lingkungan umur persekolahan<sup>14</sup> menyediakan sekolah dan guru untuk mereka.<sup>15</sup> Di bandar-bandar, kemudahan pendidikan disediakan oleh organisasi swasta dan agama. Jenis

pendidikan ini lebih lengkap dari sekolah estet tetapi ia masih terhad kepada peringkat rendah sahaja. Sekolah jenis ini menggunakan buku teks dari India dan guru dari India.

Menjelang 1930, terdapat 4 jenis sekolah vernakular Tamil di Tanah Melayu iaitu:<sup>17</sup>

- 1 ) sekolah yang dibiayai dan diuruskan oleh kerajaan,
- 2 ) sekolah ladang yang dibiayai dan diuruskan oleh majikan,
- 3 ) sekolah yang didirikan dan diurus oleh komuniti India tempatan,
- 4 ) sekolah yang didirikan dan diuruskan oleh Persatuan Mualigh Kristian.

Kebanyakan sekolah Tamil pada peringkat awal mengalami banyak kekurangan seperti kadar kehadiran yang rendah dan kadar kecinciran yang tinggi. Kerajaan British tidak pentingkan sekolah vernakular India dan Tamil, sebaliknya menyokong sekolah vernakular Inggeris dan Melayu atas alasan Bahasa Inggeris adalah bahasa komersial dan Bahasa Melayu adalah 'lingua franca' kaum Melayu yang dilindungi oleh kerajaan British.<sup>18</sup>

#### Sekolah Inggeris

Sekolah Inggeris merangkumi 'Free School' dan 'Grant-in-aid' schools'. Penang Free School dibuka pada bulan Oktober 1816 oleh Reverend R.S.Hutchings. Sekolah Inggeris awal yang didirikan adalah hasil usaha badan-badan mualigh Kristian. Mereka melihat

sekolah Inggeris sebagai alat yang baik untuk menyebarkan agama Kristian dan memberi pendidikan kepada penghijrah Cina dan India. Orang Melayu enggan menerima sekolah jenis ini kerana sekolah mubaligh merupakan agen pertukaran agama. Tambahan pula, British hanya membenarkan sekolah mubaligh didirikan di kawasan bukan-Melayu.<sup>19</sup>

Pada tahun 1893 atas initiatif peniaga Cina dan Tamil tempatan, Sultan Selangor dan Raja Muda Victoria Instituition didirikan. Sekolah ini mempunyai 'Malay Department' untuk murid-murid Melayu yang telah tamat pengajian sekolah rendah. Sekolah ini merupakan sejenis 'Free School'. Mulai awal kurun ke-20 sekolah jenis ini diambil-alih oleh kerajaan kerana masalah kewangan.

Pada tahun 1905, kerajaan British menubuhkan Malay College di Kuala Kangsar, sebuah sekolah berasrama penuh dan di khaskan kepada golongan Melayu atasan. Malay College dibentuk atas usaha R.J.Wilkinson, Nazir sekolah-sekolah bersekutu dan sokongan DYMM Sultan Idris dengan tujuan menyediakan pegawai-pegawai kerajaan untuk jabatan-jabatan tertentu.

Pada awal kurun ke-20, peluang untuk orang Melayu memperolehi pendidikan Inggeris adalah tipis kerana sekolah Inggeris didirikan di bandar sahaja. Menjelang 1910 permintaan di kalangan orang

Melayu untuk pendidikan Inggeris telah meningkat kerana kerajaan telah menyediakan jawatan pentadbiran untuk orang Melayu yang berpendidikan Inggeris.<sup>20</sup> Badan perniagaan Eropah juga menawarkan peluang pekerjaan untuk mereka yang mempunyai pengetahuan Bahasa Inggeris. Tambahan pula, telah muncul kesedaran untuk mobiliti sosial melalui pendidikan. Walaupun permintaan meningkat tetapi British enggan memenuhi permintaan orang Melayu.

Sekolah Inggeris mempunyai murid-murid dari berbilang kaum, kecuali Malay College yang dikhaskan kepada orang Eropah. Sekolah Inggeris kebanyakannya didirikan di bandar dan oleh itu pendidikan Inggeris hanya terbatas kepada kanak-kanak di bandar sahaja.

	Lelaki	Perempuan
Sekolah Vernakular Melayu	68,905	21,531
Sekolah Vernakular Cina	63,338	22,951
Sekolah Vernakular Tamil	14,866	7,775
Sekolah Inggeris(kerajaan)	30,317	13,654
Sekolah Inggeris(persendirian)	10,260	3,384
Jumlah	187,686	69,295

Jadual 1.2 : Jumlah murid di Negeri-negeri Selat dan Bersekutu Pada tahun 1937 Mengikut ~~MM~~ Jantina dan Aliran.

Sumber : Report of the Commission on Higher Education in Malaysia 1939 London m.s. 16<sup>20</sup>

Secara amnya, British mengamalkan dasar pecah dan perintah iaitu setiap kaum etnik mempunyai sistem pendidikan sendiri, iaitu orang Melayu dengan sekolah vernakular Melayu, kaum Cina dengan sekolah vernakular Cina dan sebagainya. Ini membawa kepada jurang perbezaan antara kaum dan masalah polarisasi keluk.

Nota Kaki

- 1 ) Stevenson, Rex, Cultivators and Administrators, m.s. 17
- 2 ) Andaya, B.W. dan Leonard, Sejarah Malaysia m.s. 131
- 3 ) Wong, H.K., Perspective : The Developement of Education in Malaysia and Singapore m.s. 7
- 4 ) Stevenson, op.cit. m.s. 24
- 5 ) Loh Fook Seng, Philip, Seeds of Separatism : Educational Policy in Malaya, m.s. 13
- 6 ) Stevenson, op.cit. m.s. 33
- 7 ) Ibid m.s 40
- 8 ) Ibid m.s 45-46
- 9 ) Mok S.S. dan S.M.Lee, Pendidikan di Malaysia m.s. 14
- 10) Loh, op.cit. m.s. 37
- 11) Loh op.cit m.s. 41
- 12) Ibid m.s 97
- 13) Loh, op.Cit m.s. 44
- 14) Umur persekolahan ialah antara 7 hingga 14 tahun
- 15) Wong, op. cit. m.s. 10
- 16) Mok S.S. dan Lee S.M, op. cit., m.s. 21
- 17) Wong, H.K., op. cit. m.s. 10
- 18) Loh, op.cit. m.s. 51
- 19) Ibid m.s 52
- 20) Ibid m.s 52

## Bab 2 : Perkembangan Pendidikan di Malaysia (1946-1969)

Sistem pendidikan di Malaya selepas Perang Dunia II bertujuan menyatukan 3 etnik besar Melayu, Cina dan Tamil supaya membentuk satu bangsa baru. Oleh itu, adalah perlu untuk menyemak semula sistem pendidikan sebelum perang termasuk kandungan sukanan pelajaran di sekolah-sekolah. Langkah yang pertama ialah Rancangan Cheeseman yang mencadangkan:<sup>1</sup>

- 1) Tempat percuma diberi kepada murid-murid sekolah vernakular peringkat rendah.
- 2) Bahasa Inggeris diajar di sekolah rendah.
- 3) Penubuhan dua jenis sekolah menengah
- 4) Perlaksanaan secara penuh Laporan Pelajaran 1938 mengenai pendidikan vokasional.

Rancangan ini tidak dilaksanakan kerana kerajaan British sibuk memulihkan sekolah-sekolah yang dimusnahkan semasa perang. Dengan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948, kerajaan British mulai sedar perlunya untuk mengkaji semula dasar pendidikan di bawah pentadbiran baru. "ada tahun 1949, Jawatankuasa Pusat Penasihat Pelajaran<sup>2</sup> dibentuk dan mengemukakan Laporan Holgate yang senkan-senca dengan Rancangan Cheeseman. Council Paper 60 jawatankuasa ini mencadangkan 'to enquire into the adequacy of the educational facilities available for Malays.'<sup>3</sup> Untuk tujuan ini Barnes Committee dilahirkan dan dipengerusikan oleh L.J. Barnes.

Barnes Committee menegaskan sekolah rendah patut digunakan sebagai alat membentuk satu bangsa yang bersatu. Committee ini mencadangkan penghapusan sekolah vernakular yang berasingan dan digantikan dengan sekolah kebangsaan, di mana Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu akan dijadikan bahasa pengantar dan Bahasa Cina dan Tamil akan diajar sebagai satu matapelajaran. Barnes Committee berharap untuk menyatukan rakyat Malaya yang berbilang kaum walaupun objektif ini payah dicapai.

Laporan Barnes juga mencadangkan pendirian sekolah menengah vokasional dan merombak kurikulum asal dengan memberi keutamaan kepada matapelajaran sains, seni perusahaan dan sains rumah tangga. Juga disarankan penubuhan sebuah Jemaah Nazir dan maktab perguruan berasrama bagi melatih guru-guru. Juga dicadangkan pembentukan Penguasa Pelajaran Tempatan untuk membantu perkembangan pendidikan sekolah rendah melalui pemberian bantuan kewangan. Kanak-kanak dari sekolah rendah kebangsaan<sup>3</sup> akan diberi pendidikan percuma. Setelah tamat pengajian sekolah rendah murid-murid boleh meneruskan ke peringkat menengah.

Pada tahun 1951, Sir Henry Gurney<sup>4</sup> melantik sebuah jawatankuasa untuk menyiasat pendidikan Cina di Malaya. Laporan Barnes walaupun meliputi semua jenis sekolah di persekutuan tetapi ia merupakan pandangan orang Eropah dan Melayu sahaja. Jawatankuasa Barnes dibentuk dari ahli-ahli bangsa Eropah dan Melayu sahaja.

Dirasai adalah perlu untuk mengkaji pendidikan Cina di Malaya.

Kajian ini di buat oleh Dr. W.P. Fenn dan Dr. Wu Teh-yao. Hasil kajian Laporan Fenn-Wu dadah berbeza dari Laporan Barnes.

Laporan Fenn-Wu menunjukkan komuniti Cina menikmati faedah mempelajari tiga bahasa iaitu Bahasa Cina, Inggeris dan Melayu dan mengesyorkan kerajaan British memberi salakanuntuk memberikan sistem pendidikan yang melibatkan pengajaran ketiga-tiga bahasa itu. Sistem pendidikan Malaya harus bertujuan membentuk satu identiti kebangsaan dan pihak sekolah harus menyediakan murid-murid untuk menempuh kehidupan berdasarkan latarbelakang masyarakat mereka. Tindakan memaksa rakyat untuk mempelajari satu atau dua bahasa sahaja mesti dielakkan kerana ini akan menjadikan persefahaman dan perpaduan antara kaum. Laporan Fenn-Wu juga mendapati sekolah Cina mengalami masalah kurang guru-guru terlatih dan kelengkapan sekolah yang sesuai. Untuk mengatasi masalah ini Kolej Latihan Guru dan Ltihian Dalam Perkhidmatan untuk sekolah Cina harus dibentuk. Selain dari ini kerajaan juga harus menambahkan bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah Cina.

Ekoran dari kedua-dua laporan Barnes dan Fenn-Wu kerajaan British membentuk sebuah Jawatankuasa Khas untuk mengkaji kedua-dua laporan itu. Laporan Jawatankuasa Khas dibentang di Majlis Perundangan Persekutuan dan diluluskan pada bulan September 1951, kemudian dikuatkuasakan sebagai Ordinan Pelajaran 1952.<sup>5</sup>

Ordinan ini menetapkan sekolah kebangsaan sebagai corak persekolahan di Malaya. Council Paper No 70 tahun 1952 mengatakan;

'We are convinced that the objects of education which we have accepted can best be achieved by the institution of multi-racial schools of National School to be the provision of a 6 yearscourse of free primary education with a Malayan orientation for pupils of all races. Language of instruction in these schools should be the official languages of the Federation and that the facilities should also be provided for teaching Kuo Yu and Tamil...'<sup>6</sup>

Ordinan ini payah dilaksanakan kerana aspek kewangan tidak pernah dikaji secara teliti. Jawatankuasa Khas yang dibentuk untuk menca ri jalan melaksanakan dasar ordinan ini juga mengaku adalah wajar pendidikan dihadkan kepada belanjawan yang sesuai.<sup>7</sup> Ordinan ini juga ditentang oleh kaum Cina dan India terhadap isu perubahan bahasa pengantar sekolah Cina dan India. Skim ordinan Pelajaran 1952 terpaksa dihentikan kerana sekolah kebangsaan memakan belanja yang amat besar.

Parti Perikatan yang memenangi 51/52 kerusi dalam pilihanraya 1955 melihat pendidikan sebagai suatu yang penting dan harus diberi perhatian bagi menyediakan Malaya untuk kemerdekaan.

Limabelas ahli 'Legislative Council' diketuai oleh Allahyarham Tun

Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein ditugaskan untuk 'to examine the present education policy of the Federation of Malaya and to recommend any alterations or adaptation that are necessary.'<sup>8</sup>

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 8 kali dan mengkaji sebanyak 151 memorandum yang diberi oleh badan-badan masyarakat, persatuan dan individu-individu.

Jawatankuasa ini mengemukakan laporannya iaitu Laporan Razak pada bulan April, 1956.<sup>9</sup> Keempat-empat jenis sistem persekolahan peringkat rendah akan dikekalkan tetapi kurikulumnya akan disesuaikan dengan unsur-unsur kebangsaan. Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris akan menjadi matapelajaran wajib bagi semua sekolah. Bahasa lain seperti Cina dan Tamil akan diajar jika terdapat permintaan dari ibubapa dan jumlah murid seramai 15 orang. Demi membentuk satu identiti yang sama bagi rakyat berbilang kaum, sukanan pelajaran yang sama akan digubal untuk semua sekolah rendah.

Sekolah-sekolah akan dikelolakan oleh Penguasa Pelajaran Tempatan bersama-sama dengan Jemaah Pengurus Sekolah. Kelayakan guru untuk sekolah rendah ialah sekurang-kurangnya Sijil Sekolah Menengah Rendah serta memperolehi latihan sepenuh masa selama setahun dan 2 tahun latihan separuh masa. Dicadangkan pembentukan satu jenis sekolah menengah di mana Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dijadikan matapelajaran wajib. Murid-murid akan menduduki peperiksaan akhir yang sama.

Laporan Razak diluluskan dalam Majlis Perundangan Persekutuan pada bulan April 1957 dan dijadikan Ordinan Pelajaran 1957. Laporan Razak merupakan kali pertama dalam sejarah Malaysia di mana perancangan pendidikan dirangka untuk semua kaum dengan corak identiti kebangsaan. Laporan Razak menetapkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan mengiktiraf Bahasa Inggeris, Cina dan Tamil sebagai bahasa pengantar di sekolah rendah mereka masing-masing.

Selepas mencapai kemerdekaan tugas utama ialah menyatukan rakyat berbilang kaum untuk membina sebuah negara yang aman dan damai. Untuk tujuan ini Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi tetapi ini tidak disukai oleh kaum Cina dan Tamil, isu bahasa telah dibahaskan. Menjelang awal 1960an, banyak sekolah menengah Cina menjadi sekolah jenis kebangsaan di mana Bahasa Inggeris dan Melayu diajar bersama-sama dengan Bahasa Cina. Masyarakat Cina mulai menerima keperluan untuk mempelajari 3 bahasa.<sup>10</sup>

Pada tahun 1959, sebuah jawatankuasa Penyemak Pelajaran dibentuk dan dipengerusikan oleh Abdul Rahman Talib. Tujuan jawatankuasa ini ialah mengkaji semula dasar pendidikan kebangsaan yang dicadangkan dalam Laporan Razak. Laporan Rahman Talib disiapkan pada tahun 1960 dan laporan ini mencadangkan umur persekolahan di pertingkatkan dari 12 tahun kepada 15 tahun. Di bawah Laporan Razak ramai murid-murid terpaksa meninggakan bangku sekolah kerana gagal memasuki sekolah menengah. Kebanyakan dari murid-murid ini sukar

memperolehi kerja dan akibatnya banyak masalah sosial telah timbul. Juga disyorkan supaya Sekolah Pelajaran Lanjutan dibentuk yang menawarkan kursus vokasional selama 3 tahun untuk mereka yang gagal memasuki sekolah menengah untuk memperolehi kemahiran. Untuk memperkuuhkan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, semua seolah Rendah Umum dan Sekolah Rendah Jenis Umum ditukar nama kepada Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Semua peperiksaan awam akan dikendalikan dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu untuk memupuk perpaduan. Perhatian juga diberi kepada pendidikan teknik dan vokasional kerana kedua-dua jenis pendidikan ini penting dalam perkembangan ekonomi dan pendidikan negara. Laporan Rahman Talib juga mencadangkan pendidikan percuma dan telah kemudiannya dikuatkuasakan dalam Akta Pelajaran 1961.

Akta Pelajaran 1961 kemudian diubahsuai kerana sejak pembentukan Malaysia pada 16hb September 1963 masalah telah timbul dalam pembinaan Sistem Pendidikan Kebangsaan. Sehingga tahun 1953 murid-murid Darjah 6 dikehendaki menduduki peperiksaan masuk Sekolah Menengah yang menentukan penempatan murid-murid dalam Sekolah Menengah Akademik atau Sekolah Pelajaran Lanjutan. Peperiksaan ini dibatalkan pada tahun 1964 dengan perubahan sekolah menengah rendah kepada Sistem Pendidikan Aneka Jurusan. Dalam sistem ini semua murid dari sekolah rendah berpeluang memasuki sekolah

menengah dan mempelajari kurikulum yang sama.<sup>11</sup>

Dalam tahun 1960an akibat dari cadangan Jawatan kuasa Penyemak Pelajaran 1960, perubahan telah timbul dalam sistem pendidikan Malaya. Sistem latihan guru telah dirombak untuk menampung keperluan sekolah. Pada tahun 1963, sebuah Jawatankuasa dilantik untuk mengkaji kursus-kursus pengajian serta sukan latihan perguruan. Jawatankuasa ini mencadangkan Program Integrasi yang di rancang secara menyeluruh digunakan untuk melatih guru-guru untuk sekolah menengah atas. Mengikut program ini, keenam-enam Maktab Perguruan Persekutuan akan disusun semula supaya setiap maktab hanya akan melatih guru dalam matapelajaran tertentu.

Maktab	Matapelajaran Penghususan
Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang	Matematik, Sains
Maktab Perguruan Lembah Pantai, Kuala Lumpur	Bahasa Inggeris, Bahasa Cina Ilmu Alam, Muzik
Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur	Seni Perusahaan, Pertukangan
Maktab Perguruan Johor Baru, Johor	Sains Pertanian, Sains Rumahtangga
Maktab Perguruan Bahasa Kuala Lumpur	Bahasa Melayu, Sejarah, Ilmu Alam, Muzik Melayu
Maktab Perguruan Ilmu Khas Kuala Lumpur	Perdagangan, Seni Lukis, Kraftangan, Sains Rumahtangga, Pendidikan Jasmani, Alat Pandang Dengar dan pengajaran khas untuk kanak-kanak buta atau pekak.

Jadual 2 : 1 : Matapelajaran yang dikhususkan Oleh Maktab

Perguruan Dalam Program Integrasi

Sumber : Mok S.S. dan Lee S.M. Pendidikan di Malaysia m.s.83

Universiti Malaya yang ditubuhkan pada tahun 1949 mula memainkan peranan dalam melatih guru siswazah apabila Fakulti Pendidikan ditubuhkan pada tahun 1963. Tradisi ini diikuti oleh universiti lain yang ditubuhkan kemudiannya.

Selepas pembentukan Malaysia, penekanan telah diberi dalam pembelajaran bahasa nasional. Bahasa Inggeris juga dipentingkan kerana nilai komersialnya dan statusnya sebagai satu bahasa antarabangsa, yang menjadi asas pengajian di institut-institut tinggi. Malaysia sedar tentang kegunaan pendidikan dalam menyediakan buruh (mampower). Dalam Rancangan Malaysia I (1966-1970) diharapkan mencapai:

- 1) merangsangkan aktiviti ekonomi yang baru dalam segi pertanian dan perindustrian untuk mengelakkan terlalu bergantung pada timah dan getah.
- 2) mendidik dan melatih rakyat Malaysia untuk menyediakan mereka melibatkan diri secara berkesan dalam proses perkembangan ekonomi dan sosial.
- 3) mencipta lebih peluang pekerjaan untuk menyerap buruh baru demi mengurangkan kadar pengangguran.

Hubungan yang rapat wujud antara perkembangan ekonomi dan tahap pendidikan. Pendidikan yang tidak cukup akan menimbulkan kekurangan pekerja profesional dan ini akan mangakibatkan produktiviti yang lemah. Pendidikan juga merupakan jalan menyatukan individu ke dalam masyarakat. Malaysia sebagai sebuah negara membangun

telah memberi penekanan yang berat ke atas pencapaian akademik.

Oleh itu masyarakat Malaysia bersifat bias terhadap pendidikan vokasional dan teknikal.<sup>12</sup>

Malaysia sedar tentang kepentingan untuk mengekalkan hubungan antara perancangan pendidikan kepada perancangan perkembangan secara keseluruhan. Higher Education Planning Committee didirikan pada tahun 1962 untuk menjangka keperluan tenaga buruh dalam masa 20 tahun kelak dan merancang agar keperluan ini dapat di penuhi.

Dalam Rancangan Malaysia I penekanan diberi kepada pendidikan menengah vokasional dan teknikal, pendidikan menengah umum, pendidikan tinggi. Dalam nejara membangun, universiti merupakan alat untuk memperolehi modenisasidan perubahan. Universiti mesti memenuhi keperluan ekonomi dan sosial masyarakat. Permintaan untuk ahli sains, ahli teknikal yang berkebolehan dan pegawai yang terlatih akan semakin meningkat.

Secara amnya, bidang pendidikan di Malaya selepas perang memperlihatkan perubahan yang penting. Negara-negara yang dijajah mulai menuntut kemerdekaan. Selepas mencapai kemerdekaan bidang pendidikan dirombaklagi untuk memenuhi keperluan yang semakin kompleks. Dunia 1870an dengan 1960an adalah amat berbeza. Masyarakat tidak lagi bersifat simple tetapi mulai mengevolusi dan mempunyai keperluan yang semakin banyak dan dalam hal ini pendidikan menjadi semakin penting.

Nota Kaki

- 1 . Mok, S.S., Pendidikan di Malaysia, m.s. 40
- 2 . Central Advisory Committee on Education
- 3 . Darjah satu hingga enam
- 4 . Beliau memegang jawatan 'High Commissioner' pada masa itu.
- 5 . Education Ordinance 1952
- 6 . Wong.H.K. and Gwee.Y.H., Developement of Education in Malaysia and Singapore, m.s. 25
- 7 . Ibid m.s. 25
- 8 . Ibid m.s. 26
- 9 . Sila rujuk kepada Lampiran A dan B atau atau lampiran.
10. Margaret Roff, The Politics Of Language in Malaya, Asian Survey, May 1967 Vol. VII No.5 m.s. 322
11. Mok.S.S., op.cit. m.s. 65
12. Wong.H.K. and Gwee.Y.H., op.cit. m.s. 135

Bilik Sumber  
Jabatan Antropologi & Sosiologi  
Universiti Malaya

### Bab 3 : Rusuhan Mei 13 dan Implikasinya Atas Pendidikan.

Selepas mencapai kemerdekaan pada 31hb Ogos 1957 tugas utama kerajaan ialah memupuk integrasi antara rakyatnya yang berbilang kaum. Perpaduan merupakan satu proses menyatukan anggota-anggota masyarakat dan negara secara menyeluruh melalui satu ideologi negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta satu perasaan kebangsaan di kalangan mereka.

Di Malaya semasa pencapaian kemerdekaan ujud jurang perpisahan di antara berbagai kaum etnik. Hasil dari faktor ekonomi muncul penumpuan satu-satu kaum ke kawasan bandar atau desa atau ladang. Setiap kumpulan etnik mempunyai agamanya yang tersendiri masing-masing. Kedua-dua unsur ini iaitu ethnicity dan agama merupakan unsur-unsur yang asas dalam masyarakat majmuk Malaya. Unsur-unsur ini diperkuatkan melalui sistem pendidikan yang berasingan. Masalah integrasi boleh ujud hasil dari 3 punca iaitu masalah yang ujud akibat segi pembangunan dan pendapatan yang tidak seimbang, masalah penyatuan wilayah dan masalah rakyat berbilang kaum.

Pertelingkahan kaum memuncak dalam peristiwa gelap dalam sejarah Malaysia iaitu Rusuhan 13 Mei. Rusuhan ini timbul akibat dari Pilihanraya tahun 1969 yang dipertarungkan atas isu-isu yang penuh bersemangat mengenai isu pendidikan dan bahasa. Sejak tahun

1957, Perlembagaan menyatakan, 'the national language shall be the Malay Language...for a period of ten years after Merdeka day and thereafter until Parliament otherwise provides...'<sup>1</sup> Jangkamasa ini berakhir pada bulan Ogos 1967 dan Parlimen Malaysia meluluskan 'The National Language Act' yang mengesahkan bahasa kebangsaan untuk tujuan resmi. Dalam masyarakat majmuk di Malaya isu bahasa merupakan satu isu yang agak sensitif. Setiap kelompok etnik telah mempergunakan Pilihanraya 1969 untuk mengekalkan kepentingan sendiri. Setiap kelompok etnik mempunyai kecenderungan untuk mengekalakan warisan budaya dan intelektual mereka.

Sehingga tahun 1969, dasar-dasar bahasa dan pendidikan kerajaan merupakan punca ketidakpuasan hati di kalangan orang bukan Melayu. Mereka berpendapat dasar-dasar itu lebih merupakan percubaan untuk menjadikan sekolah sebagai alat dan perkara hak istimewa orang Melayu.<sup>2</sup> Dari kacamata masyarakat Cina, mereka lebih berasa akan ditenggelami oleh orang Melayu memandangkan aspek kebudayaan mereka dikorbankan untuk perpaduan nasional.

Sebuah parti yang dibentuk pada bulan April 1968 iaitu Parti Gerakan Rakyat Malaysia bersifat tidak perkauman dan cegakatanya ialah 'pemerataan, keadilan dan peluang yang sama untuk semua.' Parti Tindakan Demokrat(DAP)<sup>3</sup> memperjuangkan persamaan etnik dan kebudayaan majmuk. DAP ingin penghapusan hak isy

istimewa orang Melayu dan dimulakan fasa baru yang mencerminkan persamaan tulen dari didang pendidikan tanpa mengambilkira bahasa pengantarnya. Parti Progresif Rakyat (PPP) juga memperalatkan rasa tidakpuas hati kaum bukan Melayu terhadap dasar pro-Melayu yang diamalkan oleh kerajaan Perikatan.

Pilihanraya diadakan pada 10hb Mei 1969 dan parti Gerakan, DAP dan PPP memenangi majoriti dalam Dewan Rakyat. Tiga hari selepas pilihanraya penyokong Gerakan, dan DAP bersorak-sorai di jalan-jalan di Kuala Lumpur untuk meraikan kemenangan mereka. Penyokong UMNO membalaik perarakan dan ini mencetuskan kejadian keganasan yang tidak terkawal di seluruh bandaraya Kuala Lumpur.

Rusuhan 13 Mei mencerminkan ketiadaan satu ideologi yang berpengaruh dan teratur yang mampu menyatukan rakyat berbilang kaum. Kerajaan pada amnya bersifat 'Melayu' manakala pengusaha di kawasan bendar bersifat kecinaan.<sup>5</sup> Sejak jadi rusuhan ini kerajaan terpaksa maengkaji semula asas-asas masyarakat majmuk di Malaysia dan juga pola perkembangan sosial, ekonomi dan politik. Kerajaan sedar langkah-langkah yang telah diambil untuk memupuk semangat kebangsaan melalui Laporan Razak, Laporan Rahman Talib dan Laporan lain telah menyumumkan hasratnya melalui Rancangan Malaysia I iaitu:

National unity is the overriding objective of the

A stage has been reached in the nation's economic and social development where greater emphasis must be placed on social integration and more equitable distribution of income and opportunities for national unity and progress.<sup>5</sup>

Adalah jelas, perpaduan merupakan satu matlamat penting bagi kerajaan. Suatu perkembangan penting dalam dasar pendidikan dan bahasa di Malaysia yang mengambil tempat pada bulan Julai 1969 di mana keadaan dalam negeri adalah masih dalam keadaan kacau-bilau akibat dari rusuhan 13 Mei. Menteri Pelajaran pada masa itu Dato Haji Abdul Rahman Ya'akub mengumumkan bahawa mulai 1hb Januari 1970 langkah akan diambil untuk mengubah bahasa pengantar di sekolah-sekolah Inggeris kepada Bahasa Melayu bermula dengan Darjah Satu. Diharapkan menjelang tahun 1983/84 semua sekolah yang berbahasa pengantar Inggeris akan diubah kepada Bahasa Melayu. Bahasa Inggeris akan diajar sebagai bahasa kedua di semua sekolah.<sup>6</sup>

Untuk mencapai matlamat perpaduan kerajaan telah melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada masa yang sama dengan perlaksanaan Rancangan Malaysia I. DEB merupakan satu serampang dua mata yang bertujuan membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat supaya dapat menghapuskan identifikasi kaum dengan fungsi ekonomi dan tempat tinggal. Kedua-dua objektif ini saling berkaitan dan saling lengkap-melengkapi. Kerajaan percaya

rasa tidak puas hati adalah punca berlakunya rusuhan 13 Mei. Melalui DEB, kerajaan berancang membentuk sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan bumiputra dalam semua lapangan dan peringkat kegiatan ekonomi supaya kaum bumiputra boleh bekerjasama dengan kaum bukan bumiputra dalam aktiviti-aktiviti ekonomi moden. Usaha akan diadakan untuk menyusun semula corak gairah kerja mengikut sektor dan jenis pekerjaan secara berperingkat melalui pertubuhan ekonomi.

Melihatkan matlamat DEB, boleh dikatakan pendidikan akan terus memainkan 'key-role' dalam menyusun semula masyarakat majmuk Malaysia. Pendidikan merupakan satu alat penting dalam pembentukan satu identiti kebangsaan dan memungkinkan mobiliti sosial dan ekonomi untuk orang-orang Melayu. DEB akan membolehkan perlaksanaan 'quota' pekerjaan dan mengurangkan bilangan pengangguran Melayu pada tahun 1970. Dengan ini orang Melayu berpeluang melibatkan secara lebih aktif dalam segi penyeliaan dan pentadbiran demi meninggikan mobiliti sosial mereka.<sup>7</sup>

Dari DEB sebuah laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran merupakan hasil kajian Jawatankuasa itu terhadap sistem pendidikan negara secara keseluruhan dengan berpandukan 2 matlamat utama DEB. Jawatankuasa ini mempunyai bidang tugas untuk mengkaji perlaksanaan dasar pelajaran kebangsaan melalui sistem pelajaran dapat melahirkan tenaga rakyat jangka panjang

panjang dan jangka pendek yang diperlukan oleh negara untuk memperkembangkan ekonominya melalui DEB. Ia juga bertugas untuk menghasilkan sebuah masyarakat yang bersatu, berdisiplin dan terlatih.

Untuk tujuan integrasi, pada 31hb Ogos 1970 satu ideologi baru bergelar Rukunegara diisyiharkan dengan rasmi.<sup>8</sup> Prinsip-prinsip Rukunegara ialah:

Kepercayaan Kepada Tuhan

Kesetiaan Kepada Raja dan Negara

Keluhuran Perlembagaan

Kedaulatan Undang-undang

Kesopanan dan Kesilaan

Prinsip Rukunegara telah ditunjukkan kepada murid-murid semua peringkat persekolahan untuk tujuan integrasi. Pendidikan merupakan faktor menyusun semula masyarakat majmuk Malaysia, dan oleh itu telah digunakan untuk mencapai perpaduan. Perpaduan dan pembangunan negara juga dipengaruhi oleh faktor bahasa oleh itu pada 1hb Januari 1970 bahasa pengantar di sekolah Inggeris ditukar secara beransur-ansur kepada Bahasa Malaysia.

DEB juga menadakan dasar mempertingkatkan mobiliti pendidikan orang-orang Melayu dan ini adalah perlu untuk memastikan orang Melayu mempunyai bahagian yang baik dalam pendidikan tinggi dan menengah kerana ekspectasi kaum Melayu telah meningkat sejak

pencapaian kemerdekaan

	1970 (%)	1975 (%)	Pertambahan/Pengurangan
Melayu	39.7	65.1	+25.4 %
Cina	49.2	31.1	-18.1%
India	7.3	3.3	-4.0%
Lain-lain	3.8	0.5	-3.3%

Jadual 3.1 : Komposisi Penuntut di University Tempatan Mengikut <sup>9</sup> Kaum.

Jadual 3.1 menunjukkan bahawa polisi penajaan etnik dalam mobiliti pendidikan telah berjaya tetapi pertambahan dalam peluang pendidikan bagi orang Melayu adalah bersifat bias dari konteks klas. Klas atasan telah mengambil kesempatan yang diberikan oleh dasar DEB. Pendidikan rendah di Malaysia adalah percuma tetapi kebanyakan keluarga yang miskin menghadapi beban yang besar dalam membiayai anak mereka hingga ke peringkat menengah. Bantuan disediakan oleh kerajaan tetapi lebih kurang 55% dari bantuan untuk murid-murid 'post secondary' adalah dari klas atasan dan amat jarang dari golongan yang miskin. Ramai orang Melayu yang berpendidikan tinggi telah diberi bantuan dan oleh itu dasar pendidikan adalah bersifat 'class biased'.

	Melayu	Cina
1970	3,257 orang	4,009 orang
1975	8,153 orang	5,217 orang

Jadual 3.2 : Pelajar-pelajar Melayu dan Cina Dalam University Tempatan. <sup>10</sup>

Ekoran dari perlaksanaan DEB mulai muncul permintaan yang tinggi dalam pendidikan terutama pendidikan tinggi. DEB membuka peluang pekerjaan yang banyak terutama pekerjaan profesional dan oleh itu permintaan untuk pendidikan tinggi semakin meningkat. Sehingga tahun 1969 Universiti Malaya merupakan institusi tunggal yang menyediakan pendidikan pengajian tinggi untuk kursus-kursus ijazah. Sejak tahun 1969, sebanyak 3 buah universiti baru telah didirikan dan pihak swasta juga melibatkan diri dalam penawaran pendidikan tinggi iaitu apabila Kolej Tuanku Abdul Rahman didirikan.<sup>11</sup> Menjelang tahun 1975 jumlah penuntut di institusi pengajian tinggi berjumlah seramai 31,529 orang.

DEB meneruskan pengaruhnya ke atas bidang pendidikan dalam tahun 1980an apabila lebih banyak peluang pendidikan wujud di Malaysia. Rusuhan 13 Mei telah menyedarkan kerajaan tentang kepentingan integrasi. Sistem pendidikan yang bersifat kompromi untuk menyelesaikan tekanan atau tuntutan yang bercanggah antara kaum telah diadakan. Kerajaan semakin berusaha memecahkan dilemma pendidikan warisan penjajah yang menggalakkan polarisasi kaum. DEB menyedarkan rakyat Malaysia tentang kepentingan pendidikan. Hasil dari usaha kerajaan untuk memperkembangkan ekonomi Malaysia banyak peluang pekerjaan profesional telah wujud. Pendidikan telah menjadi satu alat untuk meninggikan tangga sosial dalam masyarakat.

Nota Kaki

1. The Constitution of the Federation of Malaya, Article 152

Clause 1 and 2

2. Andaya, B.W. and Leonard, Sejarah Malaysia m.s. 325

3. Democratic Action Party, akan disebut sebagai DAP seterusnya

4. K.S.Jomo, Question of Class, m.s. 254

5. Chai Hon-chan, Education and Nation Building in Plural Society: The West Malaysia Experience m.s. 57

6. Ibid m.s. 33

7. Jomo K.S., op.cit. m.s. 263

8. Andaya, B.W dan Leonard, op.cit. m.s. 328

9. Chai Hon-chan, op.cit. m.s. 49

10. Jomo, K.S., op.cit. m.s. 278

11. Chai Hon-chan, op.cit. m.s. 48

Tingkatan I atau Sekolah Penilaian dijalankan secara automatik berdasarkan pengalaman dan pengetahuan yang diperoleh siswa sejak dia bersekolah pada tahun 1954. Tujuan Sekolah Penilaian ialah untuk mengidentifikasi kebolehan bahasa mard-mard dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris selepas mard-mard dari sekolah rendah. Bilik Sumber dan Bilik Sumber Antropologi & Sosiologi

Jabatan Antropologi & Sosiologi  
Universiti Malaysia

yang ingin memperbaiki perniadahan diri mereka di sekolah seterusnya.

Dan sebaloi meningkatkan mard-mard, maka Paperilaan Penilaian

Berjeh V dijadikan pada tahun 1967 dan Ujian Diagnistik Berjeh V pada tahun 1973. Kesyairan juga memberi perniadahan untuk selama

## Bab 4 : Pendidikan Selepas Perlaksanaan DEB dengan Tumpuan Khas

### Kepada Pendidikan Tinggi.

#### Sistem Pendidikan Sekarang

Pada hari ini, sekolah rendah boleh dibahagikan kepada 3 jenis iaitu sekolah kebangsaan yang berbahasa pengantar Bahasa Malaysia, Sekolah Rendah Kebangsaan yang menggunakan Bahasa Malaysia (dulu menggunakan Bahasa Inggeris) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang menggunakan Bahasa Cina atau Tamil. Darjah Satu diwajibkan apabila seorang kanak-kanak mencapai usia 6 tahun tetapi belum melebihi 7 tahun pada 1hb Januari tahun yang berkenaan. Murid-murid sekolah rendah dinsikkan darjah secara automatik pada akhir setiap tahun. Peratusan murid-murid yang tidak tamat pendidikan peringkat rendah semakin berkurangan.

Semenjak tahun 1955, kenaikan murid-murid Darjah VI ke Tingkatan I atau Kelas Peralihan dijalankan secara automatik berikutan dengan permasuhan Peperiksaan Masuk ke Sekolah Menengah pada tahun 1954. Tujuan Kelas Peralihan ialah untuk meningkatkan kebolehan bahasa murid-murid dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris untuk murid-murid dari sekolah Rendah Jenis Kebangsaan, yang ingin memperolehi pendidikan menengah di sekolah kebangsaan. Demi menilai pencapaian murid-murid, maka Peperiksaan Penilaian Darjah V dimulakan pada tahun 1967 dan Ujian Diagnostik Darjah III pada tahun 1973. Kerajaan ingin memberi pendidikan umum selama

sekirang-kurangnya 9 tahun kepada semua kanak-kanak.

Corak pendidikan di peringkat rendah memperlihatkan 2 ciri utama iaitu ia berbentuk umum (mementingkan sifat akademik dan bukan pendidikan asas yang menitikberatkan kemahiran) dan juga amat padat. Oleh itu dimulakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang mementingkan kemahiran asas dengan penekanan kepada pendidikan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira.

Pada peringkat menengah rendah peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) menjalankan di atas bagi pemilihan murid-murid ke Tingkatan IV dan juga menjadi kelayakan untuk kerja-kerja tertentu.

Memandangkan ramai murid tidak lulus Peperiksaan SRP dan oleh itu gagal melanjutkan pelajaran ke Tingkatan IV selangkah umur mereka masih kecil untuk pasaran pekerjaan maka diperakukan masa persekolahan dilanjutkan dari 9 tahun kepada 11 tahun.

Di peringkat menengah atas, Bahasa Malaysia dijadikan sebagai bahasa pengantar sepenuhnya pada tahun 1980. Pendidikan peringkat ini bercorak umum dan boleh dibahagikan kepada 3 jenis sekolah iaitu:

1. Sekolah Menengah Biasa yang dibahagikan kepada jurusan sains dan sastera. Ia bertujuan menyediakan murid-murid bagi melanjutkan pendidikan ke Tingkatan 6, maktab perguruan atau pekerjaan.
2. Sekolah Menengah Teknik, yang menyediakan matapelajaran teknik demi menyediakan murid-murid dalam memperolehi kerja atau melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi.

3. Sekolah Menengah Vokasional bagi melengkapkan murid-murid dengan kemahiran amali untuk memperoleh kerja dalam bidang perusahaan.

Murid-murid peringkat menengah atas akan diuji dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia yang menjadi asas untuk pekerjaan atau melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Kelas Tingkatan 6 dibahagikan kepada jurusan sains dan sastera. Pada penghujung tahun kedua murid-murid akan menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang menjadi asas pemilihan calon ke universiti tempatan.

Sistem pendidikan di Malaysia sentiasa berubah-ubah sejajar dengan kemajuan dalam kehidupan sehari-harian. Selepas perlaksanaan DEB, kerajaan mulai mengambil langkah untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Penekanan diberi untuk menghapuskan identifikasi pekerjaan dengan kaum dan untuk meningkatkan status orang Melayu. Ini bermakna langkah akan diadakan untuk mengimbangkan jurang ekonomi yang wujud di antara orang Melayu dengan orang bukan Melayu yang sewajarnya akan menghapuskan identifikasi kaum dengan fungsi ekonomi yang disemai oleh kerajaan British pada zaman kolonial. Kerajaan sedar kemiskinan di kalangan orang Melayu merupakan satu masalah etnik. Untuk membawa perubahan dalam ketidakseimbangan dari segi ekonomi antara kaum kerajaan telah membuat perubahan

atas dasar negara dalam pendidikan tinggi di Malaysia.

### Pendidikan Tinggi

Dalam DEB, pendidikan tinggi menjadi saluran untuk mengubah status orang Melayu. Ia diinitiatifkan oleh 'Report of The Committee Appointed By The National Operations Council to Study Campus Life of Students of the University of Malaya'.<sup>2</sup> Mengikut laporan ini, 'the composition of the student population itself, which until the current academic year has not even reflected the composition of the nation as a whole and which even now, does not reflect it when considered on a faculty by faculty basis.'<sup>3</sup> Kekurangan murid Melayu dalam University of Malaya sejak penubuhannya pada tahun 1959 amat dirasai, iaitu lebih kurang 20% dari jumlah penuntut. Universiti Malaya pada tahun 1970 telah mengeluarkan 493 penuntut dari fakulti sains di mana orang Melayu hanya berjumlah 22 orang sahaja. Bilangan orang Melayu di fakulti lain juga kurang walaupun orang Melayu membentuk 54.7% dari jumlah penduduk Malaysia pada tahun 1970 yang berjumlah 10.8 juta orang. Universiti Malaya yang berdasarkan kelayakan telah menghadkan orang miskin dari luar bandar dari menuntut di university.

Oleh itu dicadangkan kemungkinan penuntut tidak seharusnya mengambilkira kelayakan sahaja malahan sistem quota adalah perlu untuk membolehkan orang Melayu dari kawasan desa berpeluang menuntut di setiap universiti. Kaum bumiputra yang tidak

mempunyai kelayakan yang diperlukan harus diberi tempat ke universiti. Fakulti yang mempunyai peratusan penuntut Melayu yang rendah harus mengambil masuk lebih penuntut Melayu. Biasiswa yang lebih dari bidang sains harus diperuntukkan kepada penuntut Melayu yang ketinggalan belakang dalam bidang sains. Selepas perlancaran DEB, peranan pendidikan menjadi satu alat politik. Kerajaan mulai pandang pendidikan sebagai satu keperluan untuk mencapai potensi penuh tenaga kerja negara demi mempertingkatkan produktiviti serta pendapatan rakyat Malaysia. DEB juga berhasrat melahirkan komuniti bumiputra yang akan mampu melibatkan dengan lebih giat sebagai pemodal dalam bidang komersial dan industri negara supaya boleh menjadi rakan kaum lain dalam kehidupan ekonomi bangsa.

Pendidikan yang bermotivasikan politik melalui DEB terus dilaksanakan dalam rancangan 5 tahun selanjutnya, yang bertujuan mencapai kemajuan ekonomi, sosial dan politik. Ekoran dari ini, pendidikan tinggi mengalami proses 'indigenization' untuk memenuhi keperluan dan aspirasi kebangsaan terutamanya untuk memenuhi aspirasi golongan bumiputra dan keperluan tenaga buruh negara yang semakin meningkat. Melalui DEB, kerajaan Malaysia memulakan strategy 'Malayanification' dari atas ke bawah yang secara birokrat berpusat untuk menghapuskan identifikasi kaum dengan pekerjaan.

Bumiputra yang semakin ketinggalan belakang telah diberi perhatian sejarnya dan diharapkan dalam jangkamasa tahun 20

tahun iaitu sehingga tahun 1990 mereka akan memperolehi peluang yang lebih baik dalam pendidikan, pekerjaan dan pemilikan harta. Untuk tujuan ini, suatu dasar pendidikan yang bersifat kontroversial telah dilaksanakan pada tahun 1969. Melalui dasar ini ditentukan penukaran semua sekolah Inggeris kepada sekolah kebangsaan dengan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar untuk semua matapelajaran dan Bahasa Inggeris diajar sebagai bahasa kedua. Universiti tempatan telah diarah menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar menjelang tahun 1983. Langkah ini diadakan untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di semua tahap pendidikan demi memupuk perpaduan.

Pendidikan dihargai sebagai alat untuk kemajuan diri, terutamanya pendidikan tinggi. Di Malaysia, ijazah universiti di anggap sebagai pasport untuk keselamatan sepanjang hayat dan status. Untuk orang Melayu yang miskin, tidak dapat dinafikan pendidikan akan menjadi alat untuk meningkatkan status mereka. Aspirasi untuk pendidikan tinggi semakin meningkat. Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan untuk memenuhi keperluan pendidikan tinggi untuk bumiputra terutamanya. Demi mengkoordinasikan dan memastikan lebih ramai penuntut bumiputra di beri peluang masuk ke universiti satu unit 'Central Unit for University Students Selection' diadakan dalam Kementerian Pendidikan. Kerajaan ingin mengubah bentuk struktur institusi pendidikan dan memastikan

institusi pendidikan supaya bertindak sejajar dengan keperluan, aspirasi dan harapan rakyat - dalam kes ini iaitu komuniti bumiputra.

Melalui DEB, bilangan orang Melayu dalam kursus-kursus sains sosial dan humanities semakin meningkat membolehkan mereka menceburi perkhidmatan Malaysian Civil Service, Malay administrative service dan State Civil Service yang bermartabat tinggi. Juga, hasil dari campurtangan kerajaan mereka juga menceburi kursus sains dan teknikal seperti pergigian, kejuruteraan dan farmasi yang selama ini didominasi oleh kaum bukan bumiputra. Oleh itu, menjelang 1987 16 sekolah berasrama sains yang ditubuhkan oleh kerajaan mempunyai jumlah penuntut seramai 17,000 orang. Tambahan pula Majlis Amanah Rakyat (MARA) mengadakan kolej sains untuk menyediakan pendidikan sains menengah untuk penuntut bumiputra. Jumlah dalam 390 jenis kolej ini berjumlah seramai 14,848 orang. Diharapkan sekolah superior ini akan menyediakan penuntut Melayu yang miskin tetapi berbakat berpeluang memperolehi pendidikan sains.

Kerajaan berharap melalui dasar ini akan meningkatkan bilangan calon yang layak untuk mengisi tempat dalam kursus-kursus sains yang diwujudkan melalui DEB kepada orang Bumiputra dalam institusi dan program le tihan seberang laut. Universiti demi mempertingkatkan jumlah penduduk bumiputra dalam kursuskursus sains memperkenalkan kursus pra-universiti untuk mereka yang mempunyai sijil persekolahan menengah. Ini menyediakan kaum

bumiputra lebih berpeluang memperolehi tempat dalam fakulti sains dan teknologi di universiti tempatan. Malaysia semasa Rancangan Malaysia Kedua dan pertama telah memperlihatkan peningkatan tambahan universiti dan institusi pengajian tinggi. Bilangan murid yang menuntut pendidikan tinggi meningkat dari 8,505 orang pada tahun 1970 kepada 37,838 pada tahun 1985 iaitu satu pertambahan yang lebih dari 300%.

Dasar ini yang di motivasi oleh politik telah membantu kerajaan menyusun semula populasi penuntut di kampus universiti tempatan. Campurtangan kerajaan dalam kerja pengambilan calon ke universiti tempatan telah membolehkan penuntut bumiputra mendominasi ketujuh-tujuh universiti tempatan. (Rujuk kepada Jadual 4.1) Dasar kerajaan telah membentulkan ketidakseimbangan dalam kuarters yang ditawarkan kepada bumiputra dan bukan bumiputra. Ia juga telah mempelbagaikan kumpulan individu yang amat berbeza dari segi kelas dan tempat asal dan minat mereka dalam pendidikan tinggi.

DEB juga meningkatkan permintaan untuk perkhidmatan birokratik dan profesional. Kerajaan dan agensi-agensinya telah menghantar ramai penuntut bumiputra ke negara maju untuk memperolehi pendidikan melalui basiswa dan pinjaman. Menjelang tahun 1983 di jangka terdapat seramai 17,000 orang penuntut sedemikian.

	Bumiputra(%)	Bukan Bumiputra(%)
Universiti Malaya	53.75	46.27
Universiti Sains Malaysia	55.45	44.55
Universiti Kebangsaan Malaysia	72.52	27.48
Universiti Pertanian Malaysia	80.71	19.29
Universiti Teknologi Malaysia	75.55	24.65
Universiti Islam Antarabangsa	92.84	7.16
Universiti Utara Malaysia	70.11	29.89

Jadual 4.1 : Campuran Etnik di Universiti Tempatan Untuk Tahun Akademik 1985/86

Sumber : Fifth Malaysian Plan, 1986-90 m.s. 490-491

Dalam DEB penekanan diberi kepada peninggian status bumiputra dalam kumpulan socio-ekonomi rendah. Kolej sains MARA ditubuhkan untuk menyediakan penuntut bumiputra yang datang dari desa dan miskin untuk disiplin-disiplin sains di institusi pengajian tinggi tempatan atau di seberang laut. Tetapi, lebih kurang 63% penuntut kolej ini berasal dari kelas pertengahan dan profesional masyarakat bumiputra. Sekolah ini gagal memperuntukkan peluang yang lebih baik kepada golongan Melayu yang miskin. Sekolah jenis ini hanya menjadi alat untuk klas sosial bandar Melayu untuk mengekalkan status mereka. Penuntut di sekolah ini diberi subsidi walaupun mereka mampu membayar.

Bias ini dicerminkan juga dalam satu kajian mengenai pemberian biasiswa oleh kerajaan dan agensi kerajaan. Kaum bumiputra miskin menerima 14% daripada jumlah yang ditawarkan manakala masyarakat bumiputra dari strata yang lebih tinggi membentuk 23%. Dalam populasi bumiputra dianggarkan 63% adalah dari golongan

miskin manakala kelas tinggi membentuk 5%. Ini bererti bagi setiap berasiswa diberikan kepada golongan miskin yang kaya mempunyai 21 peluang. Ini membayangkan ketidakadilan dalam komuniti Melayu sendiri di mana dasar penidiikan kerajaan terhadap kaum bumiputra hanya menguntungkan yang kaya sahaja.

#### Pendidikan Tinggi bagi Kaum Bukan Bumiputra

Walaupun bilangan universiti tempatan telah bertambah tetapi masih tidak mampu untuk mengambil lebih ramai penuntut. Permintaan untuk pendidikan tinggi terutamanya kursus-kursus sains dan teknologi semakin meningkat. Sungguhpun universiti tempatan telah meningkatkan bilangan penuntut yang diambil, lebih kurang 50% dari pemohon ke universiti tempatan gagal. Fenomena ini berterusan hingga hari ini. Oleh sebab itu ramai penuntut bukan bumiputra (kebanyakannya orang Cina) yang gagal memasuki universiti tempatan terpaksa pergi ke seberang laut atau institusi swasta tempatan untuk memperolehi pendidikan tinggi. Kebanyakan dari institusi pendidikan di seberang laut diperakui oleh kerajaan Malaysia dan juga negara-negara lain, oleh itu ramai orang bukan Melayu memperolehi pendidikan tinggi di seberang laut atas daya inisiatif dan tanggungan sendiri. Menjelang tahun 1984, dijangka oleh Kementerian Pendidikan terdapat seramai 74,500 warganegara Malaysia (yang ditaja oleh kerajaan dan juga penuntut persendirian) sedang menuntut di institusi seberang laut.

Tahun	Bil. Pemohon	Bil. Tempat Ditawarkan	%
1970	5,324	3,561	67
1971	6,392	4,167	65
1972	8,251	4,145	50
1973	9,860	4,072	41
1981	16,698	5,847	35
1982	19,522	6,127	31
1983	28,858	6,890	24
1984	32,168	7,192	22
1985	38,000	7,588	19
1986	48,000	8,635	18

Jadual 4.2 : Permohonan dan Pengambilan Universiti Tempatan

Sumber : Malaysia, Ministry of Education, Higher Education

Division dan New Straits Times July 11 1986

Dari jadual 4.2 jelas menunjukkan bilangan pemohon ke universiti tempatan semakin tinggi dan peratusan penuntut yang ditawarkan tempat semakin rendah sehingga pada tahun 1986 hanya 18% dari jumlah permohonan telah berjaya. Ketidakupayaan universiti tempatan untuk menampung penuntut yang berkelayakan telah mendorong mereka mencari jalan lain. Yang lebih mampu akan menuntut di seberang laut manakala yang tidak mampu akan beralih kepada institusi swasta tempatan yang menawarkan kursus-kursus diploma dan ijazah.

Ramai ibubapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah swasta di Australia, Kanada, New Zealand, United Kingdom dan Amerika untuk memperolehi pendidikan pada umur yang kecil, dengan harapan mereka lebih mudah memperolehi tempat di institusi pengajian tinggi di sana. Pada masa kini dijangka terdapat 40,000 orang

penuntut di institusi pengajian tinggi di seberang laut (kebanyakannya orang Cina)

Kumpulan etnik	1980		1985	
	N	%	N	%
Bumiputra	5,194	26.62	6,034	26.6
Cina	11,533	59.11	13,406	59.1
India	2,676	13.72	136	0.6
Lain-lain	107	0.55	3,108	13.7
	19,510	100	22,682	100

Jadual 4.3 : Bilangan Rakyat Malaysia Yang Mengikuti Kursus Degree di seberang laut

Sumber : Malaysia, Fifth Malaysian Plan 1986-1990 m.s. 490-491

Institusi pengajian tinggi di Malaysia telah berkembang dengan pesat dari segi bilangan sejak perlaksanaan DEB. Masyarakat semakin sedar tentang kepentingan pendidikan sebagai alat untuk mobilasi sosial dan oleh itu permintaan untuk pendidikan terutamanya pendidikan tinggi telah meningkat. Institusi pengajian swasta hari ini merupakan satu saluran untuk memperolehi pendidikan tinggi di Malaysia. Sebuah institusi swasta yang tertua dan paling terkemuka di Malaysia ialah Stamford College Group Malaysia.

Sekolah-sekolah lain di bawah kumpulan Stamford adalah seperti

Cyma College, Regent School of Economics, Stamford Management

Centre, Stamford Ladies' College, Maktab Federal, Stamford School

of American Studies, Stamford School of Laws, Institusi Bersatu

Petaling Jaya dan lain-lain lagi. Stamford College ditubuhkan oleh

Elias Pereira pada tahun 1950 sebagai satu pusat ulangkaji.

Mengikut firma kajian antarabangsa Frank Small, Stamford merupakan

satu fenomena yang jarang dalam pendidikan swasta di Malaysia – ia merupakan satu institusi yang mempunyai sejarah dan tradisi.

Kursus-kursus yang ditawarkan oleh institusi tempatan adalah pelbagai seperti program komputer, perniagaan, perakaunan, hotel and catering, undang-undang dan banyak lagi. Kelayakan yang di perlukan tidaklah tinggi dan meliputi keputusan peperiksaan SPM/ 'O' level, STPM/'A' level dan juga peperiksaan Senior Middle III atau mencapai umur tertentu. Institusi swasta bersifat ingin memperolehi keuntungan. Yuran yang dikenakan adalah tinggi jika dibandingkan dengan yuran universiti tempatan. Biasanya yuran bulanan yang dikenakan adalah dalam lingkungan \$200/=. Ada juga yang lebih mahal seperti Taylor College mengenakan yuran lebih kurang A\$2625 satu semester.

Memandangkan struktur yuran yang sedemikian maka boleh dikatakan hanya golongan kelas menengah dan atasan yang mampu untuk menghantar anak-anak mereka ke institusi pendidikan swasta tempatan. Selain dari yuran, penuntut juga dibebani dengan kos hidup kerana kebanyakan dari institusi swasta terletak di Lembah Kelang dan penuntut terpaksa pindah ke Kuala Lumpur atau Petaling Jaya. Untuk membayayaiseorang penuntut untuk memperolehi pendidikan swasta kosnya adalah dalam lingkungan \$500 hingga \$600 sebulan. ini secara relatifnya masih dianggap sebagai satu jumlah yang kecil jika dibandingkan dengan kos memperolehi pendidikan tinggi

Jabatan Bilik Sumber  
Antropologi & Sosiologi  
Universiti Malaya

## Bab 5 : Institusi Pengajian Tinggi Swasta

Seperti yang telah dijelaskan dalam bab yang lepas, institusi pengajian tinggi di Malaysia lebih mementingkan pengambilan penuntut-penuntut bumiputra sahaja. Bilangan bukan Melayu dalam universiti-universiti tempatan amat kurang. Memandangkan pada hari ini, pendidikan merupakan satu perkara yang amat penting terutamanya pendidikan tinggi maka selepas perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) menampakkan pertumbuhan institusi-institusi swasta dengan pesatnya. Tujuan institusi swasta ini yang terpenting ialah untuk mengaut keuntungan. Pendidikan mulai menjadi suatu komoditi yang boleh diperdagangkan.

Institusi swasta kebanyakannya terletak di sekitar kawasan Lembah Kelang seperti Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Ada juga yang terletak di Pulau Pinang, Johor Bharu dan Seremban tetapi bilangannya kurang. Di kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya misalnya terdapat institusi swasta yang lebih popular seperti Stamford College, P.J. Community College, Vanto Academy, Systematic Business Training Centre dan lain-lain lagi.

### Kursus-kursus Yang Ditawarkan Oleh Institusi Swasta

Kursus-kursus yang ditawarkan oleh institusi swasta di Malaysia kebanyakannya adalah kursus dari England. Kursus yang ditawarkan adalah seperti :

1. Perakaunan

- LCCI ( London Chamber of Commerce )
- CIMA ( Chartered Institute of Management Accountant )
- CACA ( Chartered Associations of Certified Accountant )
- AIA ( The Association of International Accounting )
- ICSA ( Institute of Chamber Secretaries and Administrators )

## 2. Undang-undang

- Pre - LLB ( A level )
- Ijazah LLB - University of London
- LLB Degree in U.K. Polytechnics and Universities

## 3. Komputer

- NCC (UK) Diploma in Computer Studies
- C & G - City and Guilds London Institute

## 4. Pengurusan

- Chartered Institute of Marketing
- ABEC ( Australian Business Education Council Ltd. )
- The Institute of Credit Management (UK)

Yang disebutkan di atas adalah hanya sebahagian dari kursus-kursus yang ditawarkan. Selain dari ini, juga ditawarkan kursus 'twinning' di mana seorang penuntut boleh memiliki sebuah ijazah luar negeri dengan kos yang lebih rendah. Kursus ini memerlukan seorang penuntut membuat pendidikan beliau di Malaysia dan menghabiskan tahun terakhir di universiti seberang laut. Prospektus Rima College mengenai American Degree Programme berbunyi, 'Rima

College is proud to offer the 2 years American Degree Program where upon completion we assist you entering the 3rd year into various universities in the United States of America.'

Jenis kursus ini adalah bertujuan untuk membolehkan seorang mempunyai ijazah seberang laut dengan kos yang lebih rendah. Dari jenis kursus yang ditawarkan oleh institusi swasta maka boleh dikatakan kursusnya lebih sesuai untuk keperluan sektor swasta daripada kursus yang ditawarkan oleh universiti tempatan.

#### Kelayakan

Kelayakan yang diperlukan untuk memasuki kursus institusi swasta tempatan ialah seperti:

1. 5 kredit dalam peperiksaan SPM/MCE
2. 2 principal dalam peperiksaan 'A' level/ STPM dan 3 kredit dalam SPM/'O' level dan mesti meliputi Bahasa Inggeris dan Matematik.

Dari ini adalah jelas kelayakan yang diperlukan untuk melanjutkan pendidikan tinggi di institusi swasta tempatan tidaklah tinggi kerana ia tidak sangat mengambil-kira tentang grad kelulusan yang diperolehi. Selagi seorang penuntut memenuhi kelayakan yang ditentukan maka beliau boleh melanjutkan pendidikannya. Juga, kelayakan itu juga tidak menentukan jurusan dalam peringkat SPM/STPM/ 'O' level/ 'A' level. Pelajar dari jurusan sains juga boleh mengambil kursus-kursus sastera seperti pengurusan,

perakaunan dan lain-lain lagi.

### Struktur Yuran

Yuran yang dikenakan oleh institusi pegajian tinggi swasta adalah lebih tinggi berbanding dengan yuran universiti tempatan. Ini memang wajar kerana motif membentuk institusi swasta adalah untuk mengaut keuntungan. Yuran yang dikenakan adalah berbeza-beza, ini bergantung kepada jumlah matapelajaran yang diambil dan juga jangkamasa bayaran yuran.

Dalam kes yang pertama, yuran dikenakan adalah bergantung kepada jumlah matapelajaran yang diambil. Contoh adalah kursus-kursus seperti ACCA di mana yuran yang dikenakan adalah berdasar kepada jumlah pelajaran yang diambil. Dalam kes kedua, yuran yang dijelaskan dalam jangkamasa yang lebih singkat adalah lebih murah berbanding dengan jangkamasa yang lebih panjang.

Selain dari itu banyak institusi pendidikan swasta juga mengenakan bayaran pendaftaran (registration fees). Kadar bayaran pendaftaran berbeza dari institusi ke institusi. Boleh disimpulkan bayaran yang dikenakan adalah dalam lingkungan \$45 hingga \$200. Bayaran ini hanya dikenakan pada masa pendaftaran sahaja. Tambahan juga penuntut juga terpaksa membayai kos hidup sendiri. Di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya kos hidup adalah lebih tinggi. Oleh itu untuk memperolehi pendidikan tinggi di institusi

swasta dijangkakan kos bulanan adalah diantara \$500 hingga \$700.

#### Komposisi Penuntut di Institusi Swasta

Kebanyakan dari penuntut di institusi pengajian tinggi swasta adalah terdiri dari golongan bukan-bumiputra seperti kaum Cina, India dan lain-lain. Suatu kajian ke atas komposisi penuntut di Vanto Academy menunjukkan bahawa 65% dari penuntutnya adalah dari bangsa India, 15% kaum Cina, 10% kaum Melayu dan 10% yang baki terdiri dari bangsa lain seperti Sinhalese, Eurasian dan lain-lain lagi.

Kajian yang sama dijalankan di Prime College juga menunjukkan penyertaan yang kurang oleh kaum Melayu dalam kolej tersebut.

Majoriti dari penuntut Prime College adalah dari bangsa Cina, diikuti oleh bangsa India dan lain-lain lagi seperti Kadazan, Iban dan lain-lain lagi. Ini jelas menunjukkan golongan bukan bumiputra membentuk majoriti dari jumlah penuntut di institusi pengajian tinggi tempatan. Selepas perlaksanaan DEB, keperluan negara untuk golongan profesional semakin tinggi. Tambahan pula walaupun universiti tempatan telah bertambah dari segi bilangan dan saiz tidak berupaya menampung persintaan yang semakin bertambah untuk pendidikan tinggi. Dasar kerajaan dalam pengambilan penuntut ke universiti tempatan menampakkan sifat mementingkan

golongan bumiputra dan oleh itu ramai penuntut bukan-bumiputra tidak berpeluang memasuki universiti tempatan. Oleh kerana kepentingan pendidikan tinggi maka ramai ibubapa sanggup berusaha untuk menghantar anak mereka ke institusi pendidikan swasta untuk melanjutkan pendidikan.

Walaupun ramai penuntut di institusi swasta terdiri dari kelas pertengahan tetapi masih ada yang datang dari keluarga yang bertaraf rendah. Tujuan ibubapa mereka menghantar anak mereka ke institusi swasta ialah supaya dengan perolehan pendidikan tinggi maka status sosial mereka boleh dipertingkatkan. Dari sebab ini, maka memang wajar komposisi penuntut di institusi swasta tempatan terdiri dari penuntut bukan-bumiputra.

#### Kesimpulan

Ketidakmampuan universiti tempatan untuk memenuhi permintaan pendidikan tinggi telah menyebabkan pertumbuhan pesat institusi swasta tempatan. Pada tahun 1986, hanya 18% dari jumlah pemohon ke universiti tempatan telah ditawarkan tempat. Ini bererti setiap pemohon yang berjaya ditawarkan tempat, lebih dari 5 permohonan telah ditolak. Selain dari itu permintaan untuk golongan profesional selepas perlaksanaan DEB juga membawa kepada pertumbuhan pesat institusi pendidikan swasta tempatan.

Kursus-kursus yang ditawarkan oleh institusi pendidikan swasta lebih sesuai dengan permintaan tenaga kerja oleh sektor swasta. Graduan-graduan universiti tempatan susah diserap ke dalam sektor swasta kerana sebahagian besar dari siswazah adalah darifakulti sastera. Jumlah penuntut sastera di universiti tempatan semakin bertambah iaitu dari 6,396 orang pada tahun 1984 kepada 10,528 pada tahun 1988. Tambahan pula, universiti tempatan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai medium pengajaran manakala institusi swasta masih mementingkan Bahasa Inggeris. Kursus-kursus yang ditawarkan kebanyakannya adalah kursus England, Amerika dan oleh itu Bahasa Inggeris lebih dipentingkan. Memang nyata, Bahasa Inggeris masih memainkan peranan penting dalam sektor swasta.

Sebagai akhir kata, institusi pendidikan swasta walaupun telah meningkat dengan pesat tetapi mereka tidak begitu mementingkan kualiti kerana tujuan utama mereka ialah memperolehi keuntungan. Institusi swasta telah menjadikan pendidikan tinggi sebagai suatu komoditi yang boleh diperdagangkan.

Setelah melihat perkembangan pendidikan di Malaya dari zaman kolonial hingga masa kini maka beberapa kesimpulan besar boleh dibuat. Yang paling penting ialah selaras dengan perkembangan masyarakat maka semakin pentingnya pendidikan kepada masyarakat. Pada zaman pra-kolonial kehidupan masyarakat Melayu adalah amat simple. Mereka kebanyakannya menjalankan aktiviti-aktiviti pertanian dan perikanan oleh itu kemahiran yang patut ada pada seseorang adalah kemahiran mengikut pekerjaannya. Seorang nelayan akan mempunyai kemahiran bertani dan ini biasanya dipelajari dari keluarga atau dari mereka yang mahir. Pada masa itu, pendidikan secara tidak formal telah lebih dititikberatkan.

Apabila British mulai bertapak di Malaya pendidikan vernakular telah diperkenalkan. Ini adalah selaras dengan prinsip Victorian yang dipegang oleh British. Kerajaan British menganggap diri memiliki tanggungjawab yang besar iaitu 'The White Man's Burden'. British menganggap mereka telah mencapai satu tahap tamadun yang tinggi dan oleh itu adalah tugas mereka untuk menyebarkan tamadun mereka kepada negarri-negeri di Asia yang masih mundur. Atas tujuan ini British telah memperkenalkan pendidikan vernakular yang asas di Malaya. Perubahan sering

dibuat ke atas sistem pendidikan ini apabila didapati ada kedaifan-kedaifan yang tertentu. Oleh itu adalah benar untuk mengatakan masyarakat itu tidak statik tetapi dynamis kerana perubahan-perubahan sentiasa berlaku.

Kemasukan imigran-imigran secara besar-besaran menjelang penghujung abad ke-19 pula menukar gambaran pendidikan di Malaya. Orang Cina terutamanya amat giat dalam ekonomi dan masyarakat lain pula sedar untuk memperbaiki diri. Dasar pecah dan perintah yang diamalkan oleh British telah mengidentifikasi pekerjaan dengan kaum. Ini berterusan sepanjang pemerintahan British.

Apabila kemerdekaan diberi kepada Malaya, kerajaan telah memperuntukan hak istimewa dari banyak segi yang juga melibatkan pendidikan kepada Melayu. Masyarakat mulai insaf kepada pentingnya pendidikan sebagai alat mobiliti sosial dan oleh itu permintaan untuk pendidikan semakin tinggi. Masyarakat melalui peralihan zaman menjadi semakin kompleks dan oleh itu pendidikan juga telah mengalami perubahan. Kemajuan yang dicapai oleh manusia bertambah dari satu zaman ke zaman lain dan ini seterusnya meningkatkan kompleksiti masyarakat. Kemajuan ini dianggap sebagai satu sistem pilin (spiral) iaitu kemajuan di lanjutkan dari zaman ke zaman lain walaupun dalam satu zaman tertentu mempunyai masa kegembilangan dan kemunduran.

Pendidikan di Malaya secara amnya hanya menguntungkan golongan tertentu. Pada zaman kolonial golongan elit Melayu diberi pendidikan kerana status mereka yang wajar menyandang jawatan dalam birokrat. Pada masa kini, golongan kelas menengah atas yang menikmati keistimewaan dalam pendidikan. Mereka yang kaya berpeluang memperolehi pendidikan yang lebih baik manakala yang miskin semakin miskin kerana tidak berpeluang memperolehi pendidikan tinggi.

Perkembangan pendidikan di Malaysia hari ini memang tidak sejajar dengan keperluan negara. Penuntut-penuntut di universiti tempatan terutamanya tidak mampu diserap oleh sektor swasta. Ini dapat dilihat dalam keadaan di mana ramai penuntut universiti tempatan masih menganggur walaupun kadar pengangguran telah jatuh dari 7.3% tahun lepas kepada 6% tahun ini. Majikan sentiasa berkata penuntut universiti tempatan tidak boleh bertutur secara fasih dalam Bahasa Inggeris iaitu satu bahasa yang masih penting di sektor swasta. Mereka tidak mampu bertanding dengan penuntut-penuntut yang pulang sete lahir memperolehi pendidikan di seberang laut.

Selain dari ini universiti tempatan pada keseluruhannya lebih mengeluarkan penuntut-penuntut pemegang ijazah dari fakulti awam, sains sosial, sains dan lain-lain lagi. Permintaan

terhadap penuntut-penuntut dari fakulti sedemikian adalah amat kurang. Ramai penuntut-penuntut yang memperolehi pendidikan dari institusi swasta yang menuntut perakaunan, pengurusan dan lain-lain disiplin lebih berpeluang memperolehi kerja dengan mudah. Oleh itu, boleh dikatakan universiti tempatan mempunyai dua kelemahan utama iaitu Bahasa Inggeris tidak di beri penekanan dan penuntut-penuntut dari fakulti sastera, sains sosial dan sains semakin banyak dan ini kurang diperlukan oleh sektor swasta.

Pendidikan pada masa ini telah menjadi satu komoditi yang boleh diperdagangkan. Selepas perlaksanaan DEB, institusi-institusi swasta telah muncul dengan pesat. Ini adalah hasil dari permintaan yang semakin banyak untuk pendidikan tinggi. Institusi swasta yang timbul ini hanya mempunyai satu tujuan sahaja iaitu mengaut keuntungan yang banyak. Bila permintaan untuk satu-satu jenis pendidikan meningkat maka institusi swasta akan lebih menawarkan kursus itu. Kualiti pendidikan sama ada masih dipentingkan atau tidak merupakan satu tanda soal. Oleh itu adalah wajar supaya satu penyelidikan yang teliti dijalankan ke atas kualiti pendidikan swasta.

Dari ini adalah benar untuk mengatakan apabila masyarakat semakin kompleks dan maju pendidikan menjadi penting dan struktur pendidikan juga tertakluk kepada keadaan ekonomi.

Apabila sektor swasta menawarkan permintaan tinggi untuk satu-satu jenis profision tertentu maka institusi pendidikan swasta akan lebih menawarkan kursus sedemikian dan sebaliknya. Seluruh sistem masyarakat menyerupai satu keseluruhan di mana perubahan ke atas satu bahagian masyarakat akan memberi kesan kepada bahagian lain.



Tahap pendidikan (Degree) yang dikenakan oleh Mahasiswa pada tahun 1995

Sumber : Report of the Education Commission 1995 Vol. 30

Bibliografi

- 1 ) Andaya, B.W and Leonard, Sejarah Malaysia, Macmillan Publishers 1983 Kuala Lumpur.
- 2 ) Chai Hon-chan, Education and Nation Building in Plural Societies, The West Malaysian Experience
- 3 ) Jomo, K.S., Question of Class , Capital, the State and Urban Developement in Malaya, OUP Press, 1985 Kuala Lumpur
- 4 ) Loh F.S., Philip, Seeds of Separatism, Educational Policy in Malaya, OUP Press, Kuala Lumpur
- 5 ) Mok Soon Sang dan S.M. Lee, Pendidikan di Malaysia, Kumpulan Budiman Sdn.Bhd., Kuala Lumpur 1988
- 6 ) Roff, Margaret, The Politics of Language in Malaya, Asian Survey, May 1967 Vol VII No. 5
- 7 ) Star, 2nd, September 1990, Education Options for the Future
- 8 ) Stevensons, Rex, Cultivators and Administrators, British Educational Policy Towards the Malays 1875-1906, OUP PRESS Kuala Lumpur 1975
- 9 ) V.Selvaratnam, Ethnicity, Inequality and Higher Education In Malaysia, Comparative Education Review Vol 32, No 2 May 1988, University of Chicago Press

- 10) Wong Hoy Kee, Francis and Y.H. Gwee, Perspective : The Developement of Education in Malaysia and Singapore,  
Heinemann Educational Books (ASIA) Ltd, Kuala Lumpur 1972
- 11) Zulkifly Osman, DEB, Prospeks Dalam Keadaan Kemelesetan  
Ekonomi, Dewan Masyarakat, Julai 197 1987, DBP